

## Muzik Beduk Serta Pembuatan Beduk Menerusi Kaedah Sejarah Lisan

Nadhirah Aizal  
Ruhi Wajihah Alias  
Abdul Rahman Ahmad  
Mohd Shamsul Mohd Shoid

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, PuncakPerdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### *Abstrak*

*Beduk merupakan salah satu alat muzik tradisional yang bersifat bukan muzikal kerana tujuan utama penghasilannya pada asalnya adalah untuk digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada penduduk di sesuatu tempat. Beduk akan dipalu dengan rentak tertentu bagi membawa mesej tertentu kepada penduduk. Walaupun, beduk masih lagi wujud dan masih digunakan di sesetengah masjid tetapi penggunaan beduk tidaklah seaktif seperti zaman dahulu kerana adanya peralatan moden untuk mengumpulkan penduduk seperti pembesar suara. Objektif kajian adalah untuk mengetahui proses pembuatan dan sejarah beduk serta teknik ketukan dan fungsi alat tersebut. Bagi mengumpulkan maklumat berkenaan dengannya, sumber dari internet telah didapati tidak mencukupi. Oleh itu, kaedah sejarah lisan telah diguna pakai dengan bertemu responden yang mempunyai ilmu berkaitan dengan alat muzik tradisional tersebut. Hal demikian kerana, sejarah lisan dapat menambahkan sumber-sumber yang tidak lengkap. Selain itu, kaedah ini membolehkan penemuramah bertanyakan perkara yang kurang jelas kepada responden secara langsung serta perkembangannya tidak dilupai dan hilang sebagai bukti sejarah.*

**Kata kunci:** beduk, alat muzik tradisional, paluan, bukan muzikal, rentak.

## Pengenalan

Berdasarkan kepada maklumat yang dipaparkan di Jabatan Muzium Malaysia, alat muzik tradisional wujud kerana kepandaian orang terdahulu dalam menggabungkan unsur-unsur luar, misalnya dari Timur Tengah, India, China, dan Eropah sehingga dapat melahirkan warisan seni muzik yang kaya dan kompleks. Antara kategori alat muzik adalah membranofon, kordofon, idiofon, dan erofon. Beduk yang sering dijumpai di masjid merupakan salah satu alat muzik tradisional dalam kategori membranofon iaitu gendang satu muka.

Beduk mendapat nama hasil daripada cara penggunaan alat tersebut sendiri iaitu pemukaannya dipalu dengan menggunakan sebatang kayu dalam rentak yang tertentu. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB), beduk turut dikenali sebagai tabuh, gendang raya, dan geduk. Beduk mempunyai rentak paluan tertentu dan tidak boleh dipalu dengan sesuka hati kerana dikhuatiri akan membawa maksud yang berlainan. Bagi yang mahir terdapat rentak-rentak paluan yang berbeza bagi menandakan perbezaan mesej yang disampaikan kepada orang ramai atau individu-individu tertentu (Ab Rahman, 2016).

Kepentingan kajian serta pengumpulan maklumat mengenai beduk ialah dapat memelihara khazanah masyarakat serta budaya penduduk tempatan yang semakin dilupakan oleh masyarakat pada masa kini. Selain itu, ianya dapat memberikan nilai tambahan kepada beduk dengan menambahkan nilai futuristik tetapi mengekalkan nilai tradisi dengan menginovatifkan menjadi beduk elektronik yang dipalu secara automatik setiap masuk waktu solat seperti jam azan digital yang terdapat di masjid dan surau. Disamping itu, alat muzik tersebut boleh digunakan dalam aspek persembahan sekaligus memberikan nafas baru kerana ianya bukan sahaja boleh digunakan di masjid. Seterusnya, maklumat berkaitan dengan beduk perlu didokumentasikan agar ianya turut diiktirafkan sebagai warisan Malaysia. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini juga dijalankan supaya masyarakat kini sedar akan kepentingan beduk yang sudah lama dilupakan akibat pembaharuan pantas dalam sosio-ekonomi menyebabkan penggunaannya dikatakan tidak relevan lagi. Oleh itu, kajian ini secara langsung

dapat membantu dalam usaha mengekalkan kebudayaan tentang penggunaan beduk.

### **Sejarah beduk**

Kewujudan sejarah beduk telah bermula semenjak prasejarah lagi, lebih tepat pada zaman logam. Manusia yang wujud pada masa itu mengenali nekara dan moko yang diperbuat dari gangsa dan bentuknya yang hampir sama dengan gendang dan beduk. Fungsi peralatan tersebut adalah untuk acara keagamaan, perkahwinan, dan upacara memohon hujan turun (Dwi Cahyono,2008).

Beduk dikaitkan dengan sejarah Nusantara apabila Laksamana Cheng Ho telah datang ke Semarang, Indonesia dan kedatangannya disambut baik oleh Raja Jawa. Sebelum Laksamana Cheng Ho berangkat, beliau telah bertanya kepada baginda tentang hadiah apa yang patut diberi oleh beliau kepadanya. Baginda hanya meminta suara paluan beduk diperdengarkan di masjid-masjid Tanah Jawa. Semenjak dari peristiwa itu, ianya telah menjadi sebahagian dari keperluan masjid, seperti di China, Korea, dan Jepun yang menempatkan gendang di kuil-kuil mereka yang turut berfungsi sebagai alat komunikasi (Yudhistira, 2008). Maklumat yang berkaitan dengan Laksamana Cheng Ho juga didapati di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, dimana beduk ini dipercayai datang dari China dan dikaitkan dengan sejarah pelayaran Laksamana Cheng Ho ke Nusantara pada abad ke-15. Laksamana Cheng Ho mencadangkan bahawa alat muzik seperti gendang yang digunakan di kuil-kuil Buddha diletakkan di masjid-masjid bagi menyeru umat Islam untuk beribadat.

Seperti dalam kajian Hendri (2010), kewujudan beduk juga dibuktikan melalui catatan penjelajah Belanda, Cornelis de Houtman iaitu D'eeste Boek. Beliau menyatakan beduk amat terkenal di Indonesia pada waktu itu, di setiap perempatan jalan terdapat sebuah beduk yang digantung dan dibunyikan dengan menggunakan kayu pemalu yang ada disampingnya. Wouter Schouten, seorang doktor kapal Belanda menceritakan di setiap masjid di Indonesia terdapat beduk yang bersaiz tinggi dan lebar lapan kaki di tepi menara masjid. Fungsi alat tersebut pada waktu itu adalah untuk memanggil penduduk datang ke masjid dan

jika adanya sebarang bahaya atau ingin menyampaikan maklumat (Hendri, 2010).

Tetapi bagi responden iaitu Encik Mohd Sapri Bin Bahari beduk ini dicipta oleh orang Indonesia semasa Belanda datang menjajah negara mereka. Beduk ini direka bagi memberitahu penduduk lain terutama penduduk yang tinggal jauh tentang kedatangan penjajah tersebut. Setelah itu, mereka sedar bahawa beduk ini dapat memainkan peranan sebagai penyebar maklumat. Oleh itu, mereka memutuskan untuk mengekalkan penggunaannya sehingga sekarang. Berdasarkan penceritaan tokoh beduk boleh menembusi Tanah Melayu kerana asalnya Tanah Melayu merupakan salah sebuah gugusan kepulauan Melayu dan Tanah Melayu terpisah dari kepulauan gugusan Pulau Melayu dari Selat Melaka kerana terjadinya gempa bumi pada masa itu. Oleh hal yang demikian, Tanah Melayu dikenali dengan Tanah Lari oleh orang Jawa Indonesia. Beliau juga berpendapat tidak hairan beduk boleh wujud di Tanah Melayu kerana kebanyakan nenek moyang kita terdahulu merupakan orang Jawa dan apabila mereka masuk ke Tanah Melayu, sudah tentu mereka akan membawa sekali dengan budaya mereka.

### **Lokasi beduk**

Dari zaman dahulu lagi, kebanyakan beduk sangat sinonim dengan masjid. Menurut kajian Hendri (2010), Kees Van Dijk dalam 'Perubahan Kontur Masjid' dan Peter J.M Nas dan Martien de Vletter dalam 'Masa Lalu dalam Masa Kini: Arsitektur di Indonesia' menyatakan kebanyakan masjid di Asia Tenggara pada abad ke-20, tidak mempunyai menara untuk melaungkan azan. Oleh itu, sebagai gantinya, masjid-masjid tersebut perlu mempunyai satu gendang besar iaitu beduk untuk dipalu sebelum azan berkumandang (Hendri, 2010).

Akibat kepesatan teknologi canggih pada hari ini, hanya terdapat beberapa buah sahaja masjid di Malaysia yang masih menggunakan, antaranya ialah Masjid Kampung Gachong, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang menempatkan alat tersebut yang berusia lebih dari dua ratus tahun (Abdul Rahman, 2016). Selain itu, Masjid Al-Hidayah, Kampung Laut turut masih

menyimpan beduk yang berusia tiga ratus tahun (Che Harun, 2007). Masjid Kampung Hulu, Melaka, juga merupakan salah satu masjid yang masih menyimpan dan menjaga rapi beduk yang telah berusia dua ratus tahun. Ianya dilarang untuk dibawa keluar dan dipinjam kerana ia dianggap sebagai khazanah negara.

Selain di masjid, ianya juga boleh ditemui di muzium-muzium seperti Muzium Alam Shah, Selangor dan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Walaubagaimana pun, responden merasakan beduk yang disimpan di muzium hanyalah sekadar untuk tontonan orang ramai sahaja dan ia tidak akan sama dengan fungsi beduk di masjid.

### **Fungsi beduk**

Pada puluhan tahun dahulu beduk diletakkan di sudut tinggi penjuru masjid agar didengari oleh penduduk kerana pada waktu itu kebanyakan rumah mereka terletak jauh antara satu sama lain. Tujuan ia diletakkan di situ kerana berfungsi sebagai alat komunikasi kepada seluruh penduduk kampung. Beduk akan dipalu mengikut rentak tertentu sama ada bagi menandakan masuknya watu solat waktu sahur, berbuka puasa, kecemasan, kematian ataupun perkahwinan (Noor Azlida, 2012). Alat muzik tersebut juga dibuat untuk muzik dikir, Mak Yong dan wayang kulit (Awang Ngah, 2012).

Responden menyatakan fungsi beduk sama seperti yang diperkatakan oleh Noor Azlida (2012) iaitu ianya dapat digunakan apabila adanya kematian, keramaian, adanya musuh, apabila kanji telah siap dan untuk membuat perjumpaan selain digunakan untuk memanggil penduduk menunaikan perintah Allah S.W.T. Tambah beliau, ia juga amat penting apabila satu penempatan itu agak luas sehingga mengambil masa yang lama jika untuk menyampaikan berita penting kepada setiap penduduk kawasan itu. Beliau tidak menafikan, maklumat dapat disampaikan dengan menggunakan alat komunikasi yang ada tetapi bukan semua orang mempunyai telefon bimbit terutamanya warga tua dan tidak semua yang memegang telefon bimbit setiap masa. Oleh hal yang demikian, beduk

amatlah berguna untuk waktu itu kerana semua orang akan tahu maklumat yang disampaikan pada waktu yang sama.

### **Bahan serta proses pembuatan beduk**

Pembuatan beduk merupakan satu proses yang rumit kerana ia bukan sahaja mengambil masa yang lama tetapi pencarian bahan untuk pembuatan boleh menjadi susah dan mengambil masa yang lama serta saiznya yang besar berbanding alat muzik tradisional yang lain. Semasa proses menghasilkan beduk, pembuat hendaklah memastikan mereka dapat menjaga kualiti kayu bagi mendapatkan hasil bunyi yang berkualiti. Pembuat hendaklah mengetahui ukuran yang tertentu semasa mengorek kayu di tengah alur sehingga membentuk satu lilitan besar. Hal ini demikian kerana, jika korekan lilitan baik, semakin haluslah bunyi beduk. Dari segi penggunaan kayu, ada yang menggunakan kayu merbau dan kulit pula ada yang menggunakan kambing, kerbau dan lembu. Kulit juga perlu dijaga rapi agar tidak berbau dan dapat mengeluarkan bunyi yang cantik apabila dipalu. Dengan bantuan orang lain sekurang-kurangnya tiga orang, beduk selalunya dapat disiapkan dalam masa hanya sebulan, manakala pemalunya dapat disiapkan dalam tempoh seminggu sahaja (Awang, 2010).

Sepanjang pengalaman responden dalam pembuatan sejak berusia sembilan tahun. Proses pembuatan beliau mempunyai sedikit kelainan berbanding beduk yang biasa. Bahan utama yang diperlukan bagi menghasilkan beduk adalah kulit binatang dan kayu. Tidak semua kulit binatang boleh digunakan begitu juga dengan kayu. Beliau tidak menafikan ada pembuat yang menggunakan kulit kambing tetapi bagi beliau, penggunaan kulit haiwan tersebut tidak digalakkan kerana ia bukan sahaja bersaiz kecil berbanding kulit lembu dan kerbau tetapi ia juga mudah pecah apabila sering diketuk kerana kulitnya tidak setebal dan seliat kulit lembu dan kerbau. Bunyi beduk yang menggunakan kulit kambing juga akan berbeza dengan yang menggunakan kulit lembu atau kerbau. Tambah beliau, kulit kambing hanya sesuai dijadikan hiasan sahaja.

Kulit-kulit binatang selalunya diberi oleh orang kampung sebaik sahaja mereka selesai menyembelih secara percuma dan juga boleh dibeli di pasar atau tempat penyembelihan terutamanya Taman Botani Kedah yang sentiasa menjual kulit binatang kerana di sana merupakan tempat menternak pelbagai jenis haiwan. Satu kilogram kulit bersamaan dengan seekor lembu akan dijual dengan harga empat ringgit. Pemilihan kulit binatang juga perlu berdasarkan saiz beduk. Jika beduk itu bersaiz besar, maka saiz kulit perlulah lebih besar berbanding saiz beduk tersebut bagi memudahkan pemasangannya. Pembuat beduk selalunya akan mengelakkan saiz kulit tersebut sama atau kecil dari saiz beduk tersebut. Selepas pemilihan kulit tersebut, kulit hendaklah terus dibersihkan atau dipanggil kaedah samak. Segala kekotoran seperti darah atau lemak binatang pada kulit akan dibuang terlebih dahulu bagi mengelakkan kulit tersebut busuk dan berulat. Setelah itu, kulit tersebut akan direndam dengan menggunakan air kapur selama dua puluh empat jam sehingga kulit tersebut dapat digenggam. Walaubagaimanapun, kulit tersebut tidak boleh direndam lebih dari tiga hari kerana kulit tersebut akan menebal. Jika kulit tersebut telalu tebal, ia tidak boleh dipasang kepada kayu dan bunyi beduk juga tidak akan sedap didengari. Selepas direndam, kulit tersebut akan dikeringkan dibawah cahaya matahari sama ada menggunakan kaedah hamparan atau bidai. Ada sesetengah pembuat menggunakan kaedah bidai kerana lebih cepat kering berbanding kaedah hamparan tetapi kaedah tersebut sesuai jika kuantiti kulit tersebut sedikit tetapi responden lebih suka menggunakan kaedah hamparan kerana memudahkan beliau untuk memastikan kulit tersebut tidak dicuri. Hal ini demikian kerana, kulit tersebut akan dipaku jika menggunakan kaedah hamparan. Kulit tersebut akan dikeringkan sekurang-kurangnya dalam tempoh seminggu, jika lebih daripada itu ia lebih bagus kerana kulit yang kering tidak akan rosak. Jika musim tengkujuh, kulit itu akan dikeringkan menggunakan lampu seribu watt iaitu lampu tersebut dapat menghasilkan suhu yang tinggi dan kulit tersebut perlu dihamparkan jauh sekurang-kurangnya sepuluh sentimeter dari lampu tersebut kerana dikhuatiri akan terbakar. Setelah kulit tersebut kering, bulu yang ada pada kulit akan dicukur dengan menggunakan benda tajam seperti golok (Awang,2010). Tetapi responden menggunakan pisau yang direka khas oleh beliau sendiri, pisau

tersebut direka berbentuk melengkung kerana dapat mengelakkan dari kulit terkoyak. Ada sesetengah pembuat yang terus mencukur bulu binatang sebelum dibersihkan, tetapi bagi responden, beliau akan memastikan kulit tersebut direndam terlebih dahulu kerana segala kutu atau kotoran di bulu tersebut akan hilang dan memudahkan kerja beliau.

Dari segi penggunaan kayu, ada yang menggunakan kayu merbau, kayu jati, kayu cengal dan kayu cempedak, kayu sena dan pokok halban. Sepanjang pembuatan beduk, responden lebih menggunakan kayu merbau kerana saiznya yang lebih besar berbanding kayu lain. Tetapi, beliau tetap akan membuat beduk berdasarkan permintaan pelanggannya. Jika mereka meminta untuk membuat beduk itu bersaiz besar dengan harga yang rendah, beliau akan menggunakan kayu akasia yang saiznya besar dan harga yang lebih murah berbanding kayu lain. Selain itu, kayu ini mudah dijumpai di bandar dan boleh ditebang sesuka hati. Jika kayu merbau, ia perlu dibeli di kedai yang menjual kayu balak kerana kerana kayu tersebut dibawah kawalan undang-undang. Kayu tersebut selalunya berharga RM 600 untuk satu ngat. Ngat merupakan istilah ukuran yang digunakan dalam industri pembalakan. Satu ngat berukuran dalam empat kaki. Ukuran kayu yang diperlukan untuk membuat sebiji beduk ialah empat kaki panjang, ukuran lilit lebih kurang tiga atau dua setengah kaki.

Setelah mendapatkan kayu yang dikehendaki, kayu tersebut perlulah dilicinkan dengan menggunakan alat pengetam kayu bagi mengelakkan tangan terkena selumbar. Proses yang diambil bagi melicinkan kulit kayu berdasarkan saiz kayu yang digunakan. Jika kecil, proses tersebut akan siap dalam masa kurang seminggu. Jika besar saiznya, maka ia akan makan masa selama seminggu atau lebih dari itu. Seterusnya, dibahagian tengah alur kayu akan dikorek sehingga mendapatkan satu bentuk lilitan yang besar. Ukuran ketebalan lilit kayu perlu diukur. Jika terlalu tebal, bunyi beduk akan menjadi kedap iaitu dia tidak boleh mengeluarkan bunyi yang kuat apabila dipalu. Jika terlalu nipis, risiko



kayu tersebut untuk pecah akan tinggi. Oleh itu, sekurang-kurangnya ukur ketebalan lubang itu hendaklah sebanyak dua inci.

Sebaik sahaja selesai menyiapkan kayu dan kulit binatang. Langkah seterusnya adalah proses pemasangan kulit kepada permukaan beduk. Seperti yang diterangkan oleh responden, saiz kulit tersebut tidak boleh kecil atau sama dari permukaan beduk. Ukuran yang lebih baik apabila saiz kulit itu besar dari permukaan beduk itu kerana kulit yang lebih boleh dipotong. Semasa proses pemasangan kulit kepada permukaan beduk akan menggunakan buluh bagi mengetatkannya. Setelah itu, buluh tersebut akan digantikan dengan rotan bagi melekatkan kulit dengan kayu (Awang Ngah,2010) tetapi beliau menggunakan dawai dan besi. Dawai digunakan bagi mengetatkan kulit tersebut dan baji iaitu besi yang berbentuk seperti pencangkuk akan diletakkan di sekeliling permukaan beduk itu bagi menahan kulit tersebut. Penggunaan alatan tersebut lebih mudah dan senang untuk dijumpai berbanding rotan dan buluh.

Bagi proses pembuatan penampung dan pemalu beduk, responden menegaskan kedua-dua alat ini hendaklah menggunakan kayu, tidak kira menggunakan apa-apa jenis kayu jenis. Tidak boleh menggunakan besi. Untuk pemalu beduk, berat perlu diambil kira kerana bunyi yang dihasilkan akan berbeza. Jika pemalu kecil sudah tentu beratnya ringan dan bunyinya berkemungkinan tidak boleh didengari langsung berbanding pemalu bersaiz besar dan berat. Pemalu beduk mestilah beratnya sekurang-kurang satu kilogram setengah untuk menghasilkan bunyi yang kuat. Pemalu beduk adalah satu peralatan yang wajib disediakan bersama-sama dengan beduk kerana beduk tidak boleh dipalu menggunakan tangan seperti kompang atau rebana ubi. Manakala untuk penampung, penampung tersebut perlu diukur berdasarkan ketinggian orang yang akan memukul beduk tersebut. Proses membuat penampung beduk itu mengambil masa seminggu kerana ia hanya perlu menggunakan empat batang kayu sahaja.

Setelah semuanya siap dan sebelum dihantar kepada pelanggan, beduk tersebut akan dipalu terlebih dahulu bagi memastikan ia menghasilkan bunyi

yang cantik. Bunyi beduk yang terbaik ialah bunyinya mirip bunyi gong. Sekeliling permukaan beduk perlu dipalu untuk memastikan ia menghasilkan bunyi yang sama. Bunyi beduk yang tidak elok, ia tidak akan dapat berbunyi seperti gong tetapi ia akan berbunyi seperti kompaing. Secara keseluruhannya, untuk membuat sebiji beduk boleh mengambil masa dalam tiga bulan.

### **Kesimpulan**

Penggunaan beduk semakin dilupakan oleh masyarakat kini dek arus pembangunan yang rancak dan tidak digunakan lagi secara meluas kerana wujudnya alat komunikasi yang lebih memudahkan penyampaian maklumat tidak kira masa dan di mana. Pihak media massa jarang menyiarkan ulasan berkaitan dengan beduk dan organisasi yang berkaitan juga jarang melakukan penerangan tentang beduk semasa mereka membuat pameran yang berkaitan dengan alat muzik tradisional. Kajian tentang beduk juga jarang dilakukan. Oleh hal yang demikian, maklumat tentang beduk amatlah sukar untuk dirujuk oleh para pengkaji.

Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab hendaklah mengambil langkah ini dengan memperkenalkan beduk kepada orang ramai terutama generasi pada hari ini. Sebagai contoh dengan membuat pameran tentang beduk, membuka bengkel cara membuat beduk dan memalu beduk. Dengan melakukan perkara tersebut, ia dapat memberi nafas baru kepada beduk. Hasil kajian melalui wawancara sejarah lisan yang dilakukan dapat membantu dari segi penambahan maklumat tentang alat muzik tradisional tersebut. Amatlah disarankan, penyelidik-penyelidik terus mengkaji tentang beduk agar maklumat tentang beduk itu sentiasa ada dan tidak akan dilupakan.

### Rujukan

- Amran, Y. (2016, Jun 24). Beduk 200 tahun tetap dipalu. *Harian Metro*. Diperoleh dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/06/147594/beduk-200-tahun-tetap-dipalu>
- Beduk 300 tahun digunakan semula. (2007). *Utusan Malaysia*. Diperoleh dari <http://blis.bernama.com/>
- Drs. Mudzakkir Dwi Cahyono, M.H. (2008, September 29). Bedug, untuk Tanda Bahaya Hingga Perang. *Kompas.com*.
- Hendri, F.I. (2010, Ogos 26). Tak-tak-tak, Dung, Ini Sejarah Bedug. *Historia*. Diperoleh dari <https://historia.id/budaya/articles/tak-tak-tak-dung-ini-sejarah-bedug-P1m2P>
- Kulit beduk jadi sasaran kaki judi. (2012, Jun 5). *Sinar Online*. Diperoleh dari <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/kulit-beduk-jadi-sasarakaki-judi-1.53777>